

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 JULAI 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 20
SURAT

RMK13 selari hala tuju Kerangka Ekonomi MADANI

RMK13 selari hala tuju Kerangka Ekonomi MADANI

Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang dijadualkan dibentangkan 31 Julai ini akan selari dengan hala tuju kerajaan dan Kerangka Ekonomi MADANI, kata Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau yang kini turut menggalas tanggungjawab menjalankan tugas dan fungsi Menteri Ekonomi berkata, usaha menyelaraskan rancangan lima tahun itu dengan prinsip Ekonomi MADANI adalah antara tugas yang sedang dijalankan.

Jelasnya, ia bagi memastikan setiap strategi dan perancangan yang digariskan bukan sekadar dokumen dasar, tetapi mampu

diterjemah dalam bentuk pelaksanaan yang berkesan.

"Perbincangan yang diadakan dengan Kementerian yang diterajui oleh Kementerian Ekonomi telah banyak berjalan. Bila kita sampai ke tahap ini, kita kena pastikan yang apa yang kita keluarkan dalam RMK13 selari dengan hala tuju kerajaan sekarang.

"Kerajaan sekarang ada Kerangka Ekonomi MADANI. Justeru, antara tugas saya adalah memastikan ia selari dengan Kerangka Ekonomi MADANI," katanya.

Beliau berkata demikian pada Audio Siar Keluar Sekejap Episod 161, yang mana beliau menja-

di tetamu jemputan khas.

Mengulas lanjut, Amir Hamzah berkata, kejayaan pelaksanaan RMK13 kelak juga banyak bergantung kepada sambutan dan komitmen Kementerian selaku agensi pelaksana.

Justeru, katanya, penyelarasan dengan pihak kementerian amat penting bagi memastikan rancangan tidak sekadar menjadi pelan di atas kertas.

"Kalau kementerian tidak sambut dengan baik, RMK13 hanya akan jadi pelan atas meja. Kita tidak mahu itu berlaku.

"Sekarang kita nak olahkan dan kita nak selaraskan dengan kementerian agar sejajar dengan Kerangka Ekonomi MA-

DANI," katanya.

Penganalisis berpendapat, RMK13 yang akan dibentangkan itu dijangka berfungsi sebagai pelan hala tuju yang penting untuk rancangan lima tahun akan datang.

Malah, ia bakal menawarkan pandangan yang lebih mendalam mengenai rangka kerja strategik yang diumumkan sebelum ini, seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Strategi Semikondutktor Nasional (NSS).

Amir Hamzah menjalankan tugas dan fungsi Menteri Ekonomi susulan peletakan jawatan

Datuk Seri Rafizi Ramli dalam sebagai Menteri Ekonomi berkuat kuasa 17 Jun lalu, selepas gagal mempertahankan jawatannya sebagai Timbalan Presiden PKR.

Menurut Ketua Setiausaha Negara yang juga Setiausaha Jemaah Menteri, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, tugas utama Amir Hamzah adalah untuk mengolah dan merombak semula inti pati naskhah RMK13 yang akan dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2025.

Ia termasuk mengambil kira maklumat tambahan yang dikemukakan oleh kementerian serta pandangan dan ulasan yang diberikan oleh Jemaah Menteri.